

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

NOTIS & PILIHAN

Akta Perlindungan Data 2010 mula berkuatkuasa pada 15^{hb} November 2013. Akta ini bertujuan untuk mengawal pemprosesan data peribadi individu yang melibatkan urusan komersial atau perdagangan oleh para pengguna data supaya memberikan perlindungan kepada data peribadi individu.

Menurut Akta tersebut, sila mengambil perhatian bahawa:

i. Data peribadi yang akan diproses termasuk yang berikut tetapi tidak terhad kepada :

- | | |
|---|---|
| - Nama | - Lesen Memandu |
| - No. Kad Pengenalan | - Hobi-hobi |
| - Alamat Kekal / Surat-menyurat | - Kemahiran-kemahiran Komputer |
| - Alamat Kekal Luar Negeri &
No. Telefon (untuk bukan warganegara) | - Pencapaian Akademik |
| - No. Telefon (kediaman) | - Butiran Keluarga |
| - No. Telefon (Pejabat) | - Sejarah Pekerjaan |
| - No. Telefon Bimbit | - Kecekapan Bahasa dan Dialek |
| - Emel | - Peribadi / Ciri-ciri Penyokong |
| - Tarikh Pendaftaran Penduduk Tetap (jika sesuai) | - Kemerosotan Fizikal / Penyakit /
Penyakit Serius |
| - Tarikh Lahir | - Sabitan Jenayah / Kes Mahkamah
yang belum selesai / Penahanan
Polis atau Kerajaan |
| - Umur | - Saudara-mara/Rakan-rakan yang
berkhidmat dengan YHS atau
Organisasi Far East |
| - Jantina | - Bon / Pinjaman Semasa |
| - Taraf Perkahwinan | - Butiran Bankrap / Sejarah |
| - Agama | |
| - Kumpulan Etnik | |
| - Dialek | |
| - Warganegara | |

ii. Syarikat memproses data peribadi untuk tujuan melaksanakan kontrak pekerjaan dan juga melaksanakan kontrak pekerjaan yang berpotensi.

iii. Sumber-sumber data peribadi termasuk mana-mana yang berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Resume
- Borang Pemohonan
- Borang Butiran Peribadi
- Sijil-Sijil Berkenaan
- Sijil-sijil Latihan yang lalu
- Penyemakan Rujukan / Pengesahan Sumber (peribadi atau sulit)

iv. Anda boleh meminta untuk akses dan kemaskinikan data dengan melengkapkan 'Borang Permintaan untuk Akses &/atau Mengemaskinikan Data Peribadi'. Anda boleh memperolehi Borang tersebut dan mengemukakan permintaan anda kepada Pengurus Pemampasan & Ganjaran atau Ketua Jabatan Sumber Manusia Bahagian Kilang pada alamat surat-menyurat e-mel dan no. telefon yang disenaraikan di bawah:

<u>Kilang</u>	<u>No. Tel.</u>	<u>No. Faks</u>	<u>Alamat E-mel</u>
Shah Alam	03-55228171	03-55228129	MengNgorPeh@yeos.com
Johor Bahru	07-3541078	07-3544349	DanielDass@yeos.com
Ipoh	05-5260133	05-5264984	RajaRozina@yeos.com

Catatan: Alamat e-mel berubah mengikut seseorang yang memegang jawatan tersebut.

Walau bagaimanapun, Syarikat berhak untuk menolak / tidak mengizinkan permintaan untuk akses dan/atau mengemaskinikan data yang tertakluk kepada sebab-sebab di bawah Akta tersebut.

v. Semua data peribadi yang Syarikat miliki akan dirahsiakan. Bagaimanapun, Syarikat boleh membekalkan atau mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti berikut (sama ada di Malaysia atau luar negeri) tetapi tidak terhad kepada:

- Sebarang bantuan kewangan dari perbankan atau institusi kewangan atau berhasrat untuk memperolehi sebarang bantuan kemudahan daripadanya, contohnya, kemudahan pembayaran gaji
- Sebarang agen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berkaitan, yang terlibat untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang meliputi pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, penjelasan kewangan, pengurusan, audit atau lain-lain perkhidmatan untuk Syarikat

- Para penguam, juru audit, penasihat cukai dan lain-lain penasihat profesional adalah dihadkan untuk tujuan melaksanakan kontrak pekerjaan sahaja
 - Sebarang syarikat insurans / operator-operator takaful dan pergabungan persekutuan syarikat-syarikat insurans / operator-operator takaful
 - Mana-mana individu atau entiti yang Syarikat perlu dedahkan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa, kerajaan atau demi keperluan undang-undang
 - Mana-mana pihak penyumberan luar yang syarikat akan terlibat dalam sesuatu kontrak supaya dapat melaksanakan kontrak pekerjaan
- vi. Anda boleh buat pilihan anda untuk menghadkan data peribadi berkenaan sekiranya data tersebut digunakan untuk tujuan selain daripada melaksanakan kontrak pekerjaan tersebut. Dalam apa-apa kejadian, Syarikat dengan ini mengesahkan bahawa kesemua data peribadi hanya diproses untuk tujuan melaksanakan kontrak pekerjaan.
- vii. Kesemua data peribadi yang diminta tersebut adalah mandatori atau dianggap wajib.
- viii. Syarikat berhak untuk mengkaji semula dan/atau meminda Notis ini dari masa ke semasa dan akan komunikasikan perubahan tersebut bersama-sama dengan Polisi yang dikemaskinikan pada laman web Syarikat, dan/atau cara komunikasi lain yang akan ditentukan oleh Syarikat.
- ix. Tiada apa-apa dalam Notis ini akan menghadkan hak-hak Syarikat dan juga para pekerja / kakitangan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.